

# **ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**

## **PEMERIKSAAN PRODUK HAIWAN**

**No. Dokumentasi: APTVM 23(c): 1/2011**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

**ISI KANDUNGAN**

**MUKASURAT**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia .....	iii
1.0 Pengenalan .....	1
2.0 Objektif .....	1
3.0 Skop .....	2
4.0 Rujukan .....	2
5.0 Definisi .....	2
6.0 Kata Singkatan .....	3
7.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia .....	4
7.1 Arahan Am .....	4
8.0 Pemeriksaan Produk Haiwan .....	5
8.1 Tujuan Pemeriksaan Produk Haiwan .....	5
8.2 Keperluan Pemeriksaan Produk Haiwan .....	6
8.3 Kriteria Pemeriksaan .....	6
9.0 Prosedur Pemeriksaan .....	7
9.1 Pemerhatian .....	7
9.2 Pemeriksaan .....	7
9.3 Pengukuran .....	7
9.4 Persampelan dan Ujian .....	7
9.5 Pertanyaan / Soal Selidik .....	8
9.6 Semakan Rekod .....	8
10.0 Rekod .....	8
11.0 Pengkalan Data .....	9
Lampiran 1 : Senarai Ujian Kontaminan .....	10
Lampiran 2 : Senarai Semak Pemeriksaan Produk Haiwan .....	15
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pemeriksaan Produk Haiwan .....	17
Penghargaan .....	18

## ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR Pemeriksaan Produk Haiwan

Perkhidmatan pemeriksaan produk haiwan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai sebahagian usaha kawalan penyakit dan jaminan keselamatan makanan. Perkhidmatan ini menjadi pra-syarat dalam proses pengesahan dan pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar (SKV).

Penyakit menular dan berjangkit boleh merebak melalui produk. Maka penentuan sumber produk haiwan yang sihat dengan kemampuan dayajepak perlu menjadi elemen penting di dalamnya. Produk haiwan juga boleh menjadi punca jangkitan penyakit zoonotik ketika penggunaannya. Sementara dalam pemrosesan produk haiwan yang kurang sempurna, kontaminasi drug veterinar, kimia atau mikrob mungkin berlaku. Oleh itu perkhidmatan ini berhasrat mencegah rebakan penyakit dan mengurangkan risiko kesan sampingan akibat kontaminan.

Perkhidmatan ini juga merupakan sebahagian daripada skim jaminan kualiti melalui akreditasi. Pemeriksaan akan dijalankan secara berkala ke atas produk yang dikeluarkan di bawah skim *Veterinary Health Mark* (VHM) dan *Good Veterinary Hygiene Practices* (GVHP). Sementara produk yang hasilan di luar skim akreditasi perlu menjalani pemeriksaan produk haiwan ke atas setiap konsaimen sebelum pengesahan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV).

Maka pemeriksaan produk perlu mengikut kriteria yang digariskan dalam APTVM ini. Keperluan yang diperlukan oleh negara pengimport juga harus diambil kira dan disahkan pematuhan oleh Pihak Berkuasa Veterinar. Pemeriksa hendaklah memiliki capaian maklumat tentang status penyakit, premis dan keputusan sebarang ujian makmal.

Semua pemeriksa perlu memastikan temuan dan hasil pemeriksaan direkodkan. Rekod dan laporan itu akan menjadi asas kepada pengeluaran SKV. Keutuhan dan kewibawaan Pihak Berkuasa Veterinar akan dibuktikan melalui SKV yang mereka keluarkan.

Maka untuk menjamin kewibawaan Pihak Berkuasa Veterinar, semua pihak perlulah mematuhi APTVM Pemeriksaan Produk Haiwan yang digariskan ini. Semoga dengan adanya panduan ini mutu perkhidmatan pemeriksaan produk dapat dilaksanakan dengan lebih baik.



**Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Malaysia

## ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PEMERIKSAAN PRODUK HAIWAN

### 1.0 PENGENALAN

Pemeriksaan produk haiwan oleh Pihak Berkuasa Veterinar bertujuan untuk memastikan ia bebas daripada penyakit haiwan berjangkit dan menular. Prosedur ini untuk menghalang rebakan penyakit haiwan melalui laluan ini. Sebahagian daripada penyakit ini adalah zoonotik dan prosedur ini mampu menyekat jangkitan seterusnya. Untuk tujuan tersebut pemeriksa perlu mengetahui status penyakit haiwan wajib lapor dalam sesuatu lokasi, haiwan, masa, serta kesihatan sumber asal produk haiwan tersebut dan status kesihatan produk itu sendiri.

Prosedur pemeriksaan produk haiwan bertujuan memantau agar hasilan atau produk dari sesuatu establismen menepati keperluan yang telah digariskan. Ini untuk menjamin produk yang dikeluarkan bebas daripada penyakit, bersih serta selamat daripada pencemaran fizikal, kimia dan juga biologikal serta mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan.

Prosedur pemeriksaan produk haiwan menjadi sebahagian daripada syarat tindakan yang perlu diambil sebelum pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bagi produk haiwan. Sebahagian daripada prosedur pemeriksaan memerlukan ujian makmal tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Oleh itu, penyelarasan dan penyeragaman penyampaian perkhidmatan veterinar dalam pemeriksaan produk haiwan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan DVS seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelanggan.

### 2.0 OBJEKTIF

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pemeriksaan Produk Haiwan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Veterinar yang terlibat untuk tujuan:

- 2.1 Pencegahan dan kawalan penyakit haiwan
- 2.2 Verifikasi produk untuk permohonan eksport

2.3 Pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar

2.4 Penguatkuasaan

### 3.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Pemeriksaan Produk Haiwan ini adalah untuk menjelaskan bidang tanggungjawab pegawai, kategori produk serta ruang lingkup pemeriksaan, kaedah pemeriksaan dan seterusnya pengkalan data dan rekod.

### 4.0 RUJUKAN

4.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)

4.2 APTVM Pemeriksaan Loji Pemprosesan

4.3 *Good Manufacturing Practice (GMP) For Food (First Revision) MS 1514:2009*

4.4 *General Principle of Good Hygiene (MS 1514:2001)*

4.5 Skim Persijilan GVHP

4.6 *Requirements For The Award of The Veterinary Health Mark (VHM)*

### 5.0 DEFINISI

#### 5.1 Pihak Berkuasa Veterinar

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk sesiapa sahaja yang ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebagai penguasa veterinar di bawah Seksyen 3, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

## 5.2 Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)

Dokumen yang mengesahkan produk haiwan dari aspek kesihatan untuk membolehkan produk dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain dan menjadi dokumen rujukan utama dan yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab.

## 5.3 Produk haiwan

Produk yang terhasil daripada haiwan yang masih hidup, telah disembelih/dibantai atau diambil daripadanya untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai, misalan daging, kulit mentah, organ, tanduk, sarang burung proses, sosej, seri kaya, dadih, yogurt dan sebagainya. Produk yang dikeluarkan meliputi produk makanan atau bukan makanan.

## 5.4 Skim Persijilan Veterinar

Skim jaminan kesihatan haiwan, keselamatan makanan, jaminan kualiti yang diperkenalkan DVS berasas prinsip HACCP, GMP dan QAP seperti VHM, GVHP dan SALT.

## 5.5 Veterinawan Bertauliah

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop tanggungjawab arahan seperti dalam APVTM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.

## 6.0 KATA SINGKATAN

<b>APTVM</b>	-	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
<b>DVS</b>	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
<b>GVHP</b>	-	<i>Good Veterinary Hygienic Practice</i>
<b>HACCP</b>	-	<i>Hazard Analysis Critical Control Point</i>
<b>IPPV</b>	-	Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
<b>PBV</b>	-	Pihak Berkuasa Veterinar

<b>SKV</b>	-	Sijil Kesihatan Veterinar
<b>SALT</b>	-	Skim Amalan Ladang Ternakan
<b>QAP</b>	-	<i>Quality Assurance Programme</i>
<b>VHM</b>	-	<i>Veterinary Health Mark</i>

## 7.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

### 7.1 ARAHAN AM

- 7.1.1 Pemeriksa veterinar hendaklah pastikan dahulu status indeks penyakit dan zon, kawasan serta kepungan di mana premis pengeluaran sesuatu penyakit.
- 7.1.2 Pastikan premis berkenaan telah pun berdaftar dalam Daftar Premis dan memiliki Nombor Premis. Sekiranya premis belum berdaftar, ianya perlu didaftarkan terlebih dahulu untuk memastikan kemampuan dayajejak.
- 7.1.3 Pihak establismen yang memohon prosedur pemeriksaan produk haiwan dijalankan di premisnya mestilah membuktikan yang mereka telah menyimpan rekod produk bagi setiap lot yang dikeluarkan bagi membolehkan dayajejak ke hadapan dan ke belakang.
- 7.1.4 Sila buat semakan ke atas sumber asal produk primer dan hendaklah dipastikan status kesihatan melalui rekod veterinar dalam Pengkalan Data DVS dan rekod yang tersimpan di premis.
- 7.1.5 Terdapat dua kategori establismen untuk pengeluaran produk haiwan:
  - i. Bawah Skim Persijilan
  - ii. Luar Skim Persijilan
- 7.1.6 Pemeriksaan produk haiwan di bawah Skim Persijilan Veterinar samada VHM, GVHP atau SALT dibuat sebagai pemantauan untuk memastikan pematuhan keperluan yang digariskan dalam skim



persijilan. Persampelan juga akan dibuat secara berkala. Perkara yang akan dipantau adalah seperti Lampiran 1.

- 7.1.7 Pemeriksaan produk haiwan di luar Skim Persijilan Veterinar, hendaklah dibuat secara penuh meliputi persampelan serta ujian bagi memenuhi syarat persijilan SKV.
- 7.1.8 Pengeluaran SKV bagi establishmen bawah Skim Persijilan Veterinar, boleh dikeluarkan berasaskan kepada rekod pemantauan dan audit berterusan.
- 7.1.9 Pengeluaran SKV bagi establishmen di luar Skim Persijilan Veterinar hendaklah melalui prosedur pemeriksaan fizikal, persampelan dan ujian mengikut syarat yang diminta untuk disahkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
- 7.1.10 Pemeriksa Veterinar hendaklah menasihati, memberi runding cara atau perundingan kepada establishmen di luar Skim Persijilan Veterinar agar menyertainya bagi melancarkan pemeriksaan produk serta membolehkan SKV dikeluarkan dengan yang lebih kemas.
- 7.1.11 Semua keputusan ujian hendaklah dilaporkan kepada penyelaras serta merta bagi membolehkan dokumentasi dilengkapi mengikut piagam pelanggan.
- 7.1.12 Pemeriksaan untuk tujuan penguatkuasaan hendaklah dilakukan dengan teliti mengikut APTVM ini. Rekod-rekod hendaklah disimpan kerana ianya diperlukan untuk kegunaan pendakwaan.

## **8.0 PEMERIKSAAN PRODUK HAIWAN**

### **8.1 Tujuan Pemeriksaan Produk Haiwan**

- 8.1.1 Prosedur pemeriksaan produk haiwan adalah bertujuan untuk:
  - i. Mencegah dan mengawal penyakit haiwan.

- ii. Mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar untuk pemindahan, pergerakan atau untuk eksport.
- iii. Menjalankan verifikasi produk haiwan untuk pengesahan deklarasi persijilan eksport.
- iv. Memantau pematuhan kepada Skim Persijilan Veterinar.
- v. Penguatkuasaan undang-undang .

## **8.2 Keperluan Pemeriksaan Produk Haiwan**

8.2.1 Tanggungjawab utama Pihak Berkuasa Veterinar untuk memastikan tiada penyakit haiwan berjangkit menular melalui produk haiwan. Pemindahan, pergerakan dan import / eksport produk haiwan mestilah disahkan melalui pemeriksaan. Pihak Berkuasa Veterinar yang terlibat dalam pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bertanggungjawab untuk memastikan pemeriksaan produk telah dibuat sebelum apa-apa kenyataan mengenai produk dibuat. Bagi produk yang dieksport pula, pemeriksaan hendaklah dibuat meliputi keperluan atau kehendak negara pengimport berkaitan. Pemeriksaan produk boleh dilakukan seiring dengan pemeriksaan loji pemprosesan produk.

## **8.3 Kriteria Pemeriksaan**

Kriteria pemeriksaan produk haiwan adalah seperti berikut :-

- 8.3.1 Keperluan oleh negara pengimport (jika produk untuk eksport)
- 8.3.2 Keterangan mengenai produk (jenama, perlabelan dan sebagainya)
- 8.3.3 Senarai kandungan produk
- 8.3.4 Sumber bahan mentah yang digunakan
- 8.3.5 Carta alir proses produk
- 8.3.6 Ringkasan pelan HACCP / GMP

- 8.3.7 Masa dan suhu
- 8.3.8 *Certificate of analysis*
- 8.3.9 Laporan analisa makmal

Pemeriksaan keseluruhan premis juga perlu dibuat mengikut panduan yang dinyatakan dalam APTVM Pemeriksaan Veterinar di Loji Pemprosesan.

## **9.0 PROSEDUR PEMERIKSAAN**

### **9.1 Pemerhatian**

PBV perlu prihatin kepada proses dan prosedur yang dilaksanakan bagi produk berkenaan. Ambil perhatian bagi perkara yang boleh memberi risiko penyakit dan keselamatan serta pastikan semua proses/prosedur diikuti.

### **9.2 Pemeriksaan**

Pemeriksaan ini untuk melihat keseluruhan langkah pengendalian dan pemprosesan produk. Ini meliputi aktiviti pemeriksaan kebersihan peralatan serta permukaan bersentuhan produk makanan. PBV perlu mengambil langkah kebersihan diri sebelum memasuki kawasan pemprosesan.

### **9.3 Pengukuran**

Penggunaan peralatan untuk menentukan parameter seperti suhu, pH, berat, masa atau kepekatan klorin. Tujuan pengukuran untuk memastikan bahawa semua peralatan kawalan bagi tujuan di atas adalah berjalan dengan baik.

### **9.4 Persampelan dan ujian**

PBV adalah disarankan mengutip sampel produk untuk ujian saringan di makmal berkenaan. Sampel hendaklah dikutip dengan teknik yang betul serta pengendalian yang betul untuk memastikan tidak ada kesan disebabkan oleh pencemaran silang, masa, suhu dan juga pengangkutan (Rujuk Lampiran 1).

### **9.5 Pertanyaan/ Soal selidik**

PBV yang melakukan pemeriksaan disarankan untuk bertanya dengan pekerja/operator yang menjalankan tugas semasa pemprosesan. Walau bagaimanapun, pastikan ianya tidak memberi kesan kepada proses kerja serta keselamatan personel berkenaan.

### **9.6 Semakan rekod**

Pemeriksaan rekod amatlah penting untuk melihat keseluruhan operasi pengeluaran. Tumpuan kepada rekod-rekod penting seperti kawalan titik kritikal amat penting.

## **10.0 REKOD**

- 10.1 PBV yang melakukan pemeriksaan produk boleh menggunakan kriteria pemeriksaan yang disediakan dalam borang DVS-PPH1 seperti Lampiran 2.
- 10.2 Catatan pemeriksaan produk hendaklah dicatat dalam Log Pemeriksaan Veterinar untuk tujuan rekod dan rujukan pada masa hadapan.
- 10.3 Keputusan pemeriksaan hendaklah dikemukakan kepada pegawai yang berkenaan yang terlibat untuk mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar.
- 10.4 Semua rekod pemeriksaan hendaklah disimpan dengan baik kerana menjadi sebahagian maklumat dayajejak produk.
- 10.5 Semua rekod yang melibatkan pemeriksaan oleh penguatkuasa hendaklah di simpan dengan baik untuk memastikan pendakwaan dapat dijalankan dengan sempurna.

## 11.0 PENGKALAN DATA

- 11.1 PBV yang melakukan pemeriksaan produk haiwan perlu mengisi maklumat perkhidmatan veterinar melalui sistem pelaporan elektronik yang akan ditentukan oleh DVS.

Lampiran 1

A. SENARAI UJIAN KONTAMINAN

Mikrob

Kod	Sanitasi	Produk		
		Daging	Susu	Telur
S001	<i>Coliform</i>	√	√	
S002	<i>E. coli</i>	√	√	
S003	<i>Staphylococcus</i>	√	√	

Kod	Patogen	Produk		
		Daging	Susu	Telur
P001	<i>Bacillus cereus</i>	√	√	
P002	<i>Campylobacter jejuni</i>	√	√	
P003	<i>Clostridium perfringens</i>	√		
P004	<i>E. coli 0157</i>	√	√	
P005	<i>Listeria monocytogen</i>	√	√	
P006	<i>Salmonella</i>	√	√	√
P007	<i>Sarkosis</i>	√		
P008	<i>Streptococcus faecalis</i>	√		
P009	<i>Vibrio cholera</i>	√		
P010	<i>Vibrio paraheamolyticus</i>	√		
P011	VRE	√		√
P012	<i>Yersinia enterocolitica</i>	√		

Residu Drug

Kod	Antibiotik	Produk		
		Daging	Susu	Telur
101	<i>Amoxicilin</i>		√	
102	<i>Ampicillin</i>		√	
103	<i>Ceftiofur</i>	√		
104	<i>Chloramphenicol</i>	√	√	
105	<i>Chlortetracyclin</i>	√	√	
106	<i>Danofloxacin</i>	√		√
107	<i>Erythromycin</i>	√	√	
108	<i>Neomycin</i>	√		
109	<i>Nitrofurantoin</i>	√		
110	<i>Oxytetracyclin</i>	√		
111	<i>Penicillin</i>	√		
112	<i>Sarafloxacin</i>	√		√
113	<i>Streptomycin</i>	√		
114	<i>Tetracyclin</i>	√	√	√

Kod	Organochlorinated	Produk		
		Daging	Susu	Telur
201	<i>Aldrin</i>	√		
202	<i>BHC/Hexachloro cyclohexane</i>	√		
203	<i>Chlordane</i>	√		
204	<i>DDT/Metabolic</i>	√		
205	<i>Dieldrin</i>	√		
206	<i>Endrin</i>	√		
207	<i>Heptaclor/Heptaclor Epoxy</i>	√		
208	<i>Lindane/Gamma BHC</i>	√		
209	<i>Metoxycolor</i>	√		
210	<i>Mirex/Dodecaclorine</i>	√		
211	<i>PCBs/Polychlorobenzene</i>	√		

Kod	Penggalak Pertumbuhan	Produk		
		Daging	Susu	Telur
301	<i>Dienestrol</i>	√		
302	<i>Diethylstilbesterol - DES</i>	√		
303	<i>Hexestrol</i>	√		
304	<i>Trembolone</i>	√		
305	<i>Zeranol</i>	√		



Kod	Thyrostatic	Produk		
		Daging	Susu	Telur
400				
401	<i>Methyl Thiouracil</i>	√		
402	<i>Propil Thiouracil</i>	√		
403	<i>Tapazol</i>	√		
404 T	<i>Thiouracil</i>	√		

Kod	Sulfanemie	Produk		
		Daging	Susu	Telur
500				
501	<i>Sulfadimetoxine</i>	√	√	
502	<i>Sulfametazine</i>	√	√	
503	<i>Sulfatiazol</i>	√	√	
504	<i>Sulfaquinoxaline</i>	√	√	
505	<i>Sulphonamides</i>	√	√	
506	<i>Sulphadiazine</i>	√	√	
507	<i>Sulphanilamide</i>	√	√	

Kod	Heavy Metals (Logam Berat)	Produk		
		Daging	Susu	Telur
600				
601	<i>Arsenic</i>	√	√	√
602	<i>Cadmium</i>	√	√	√
603	<i>Lead</i>	√	√	√
604	<i>Mercury</i>	√	√	√
605	<i>Plumbum</i>	√	√	√



Kod	Beta Agonist	Produk		
		Daging	Susu	Telur
700				
701	<i>Clenbutarol</i>	√		
702	<i>Ractopamin</i>	√		
703	<i>Salbutamol</i>	√		

Kod	Antiparasit	Produk		
		Daging	Susu	Telur
800				
801	<i>Abamectin</i>	√		
802	<i>Doramectin</i>	√		
803	<i>Furozolidone</i>	√		
804	<i>Ivermectin</i>	√		
805	<i>Nicarbazin</i>	√		
806	<i>Nitrofurazone</i>	√		

Kod	Mikotoksin	Produk		
		Daging	Susu	Telur
900				
901	<i>Alphatoxin</i>		√	

Kod	Other drugs / contaminants	Produk		
		Daging	Susu	Telur
X00				
X001	<i>Dioxin</i>		√	
X002	<i>Melamine</i>		√	
X003	<i>Sudan Red</i>			√
X004	<i>Yeast/mould</i>		√	

Borang DVS-PPH1

	<b>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA</b>	
<b>SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN PRODUK HAIWAN</b>		
Tarikh pemeriksaan :	Rujukan :	
Nama Establismen :  No. Tel : No. Faks : E-mail / Laman web :	Alamat Estabalismen :  Nama Pengurus / Penyelia: 1. 2. 3.	
Jenis Establismen : <i>(abatoir / pemprosesan / canning etc)</i>	Tujuan pemeriksaan:	
Jenis Premis / Loji: Lot kedai / semi-detached / bersendirian / lain-lain.....		
Pegawai Pemeriksa DVS:  1. _____  2. _____	Tandatangan :  _____  _____	
Keperluan negara pengimport :		

Kriteria	Perkara yang diperhatikan	Pemerhatian
1.0 Keterangan mengenai produk	a. Jenama b. Pembungkusan c. Label d. Kuantiti	
2.0 Kandungan produk		
3.0 Senarai bahan mentah	a. Bahan mentah b. Punca c. Bahan pengawet	
4.0 Carta Alir Proses	a. Aliran pekerja b. Aliran produk	
5.0 HACCP/GMP Plan Summary	a. CCP	
6.0 <i>Certificate of analysis</i>		
7.0 Keputusan ujian makmal		
Ulasan pemeriksa :		

Tandatangan Pemeriksa : \_\_\_\_\_ Cop : \_\_\_\_\_

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN  
ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA  
Pemeriksaan Produk Haiwan**

***Penasihat***

Y.H Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria  
Pengarah Kanan  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

***Ketua Editor***

Dr. Rahmat bin S. M. Sheriff  
Timbalan Pengarah (Seksyen Pemeriksaan Veterinar)  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

***Sidang Pengarang***

Dr. Che Zalina binti Mohd Zaid  
Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

En. Muhamad Hazmi bin Yaacob  
Seksyen Pemeriksaan Veterinar  
Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS

## PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Pemeriksaan Produk Haiwan ini, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV